

19/02/1997

Kempen didik penunggang, pembonceng motosikal

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pengangkutan akan melancarkan kempen keselamatan besar-besaran bagi penunggang dan pembonceng motosikal, terutamanya di kawasan luar bandar sebagai langkah awal bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat.

Timbalan Menterinya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata langkah itu perlu kerana penunggang dan pembonceng motosikal mencatat jumlah kematian paling tinggi dalam kemalangan pada musim perayaan berganda tahun ini.

"Kita akan meneruskan kempen seperti yang dirancangkan sebelum melaksanakan program lain," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Mengenai Keselamatan Kapal Minyak anjuran Forum Keselamatan Marin Industri Minyak Hiliran Malaysia (Forum) di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan jumlah kemalangan dan kematian terbabit. Perangkaan Ops Pacak II daripada Januari 31 hingga Ahad lalu mencatatkan 9,555 kemalangan membabitkan 299 kematian.

Jumlah ini mengatasi 7,954 kes kemalangan yang dicatatkan sepanjang kempen keselamatan sempena Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa tahun lalu.

Kempen tahun ini, Ops Pacak II, akan berakhir hari ini dan kadar kematian dijangka mengatasi 319 yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu berdasarkan purata 17.5 kematian sehari sejak ia dilancarkan akhir bulan lalu.

Jumaat lalu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kempen keselamatan pada musim perayaan kali ini disifatkan berjaya berikutan angka kemalangan dan kematian yang menurun 30 peratus.

Ling membuat rumusan itu berdasarkan kepada hanya 3,678 kemalangan dan 81 kematian yang dilaporkan sehingga Khamis lalu.

Bagaimanapun, perangkaan terbaru lebih menepati kekesalan yang disuarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang masih tidak mematuhi peraturan.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, kerajaan tidak boleh membuat apa-apa lagi jika pengguna jalan raya, terutama penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan walaupun kerajaan mengambil langkah keselamatan yang serius.

Mohd Ali berkata, kementerian masih dalam proses mengkaji dan merangka langkah keselamatan yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat.

Beliau berharap kertas kerja itu dapat disiapkan secepat mungkin untuk dikemukakan kepada Kabinet sebelum dilaksanakan.

Sebelum ini, kementerian dilaporkan mencadangkan lebih banyak mahkamah trafik ditubuhkan, denda lebih setimpal dikenakan dan anggota penguatkuasa ditambah bagi mendisiplinkan pemandu.

(END)